




**PETA KAWASAN OPERASI KEDA**



**PROJEK PERTANIAN PETANI LUAR BANDAR (PPLB)**

*\*Untuk Keterangan lanjut Sila Hubungi:*

**BAHAGIAN NIAGATANI  
KOMPLEKS IBU PEJABAT KEDA,  
KM 7 JALAN LANGAR,  
05460 ALOR SETAR,  
KEDAH DARUL AMAN.**

**TEL : +604-720 5337  
FAKS : +604-720 5443**



## PENGENALAN

Projek pertanian, ternakan dan akuakultur adalah projek yang dilaksanakan oleh KEDA bagi membantu petani dan penternak untuk meningkatkan pendapatan keluarga sejak RMK ke-9. Projek ini dilaksanakan di dalam wilayah operasi KEDA di negeri Kedah. Kumpulan sasar yang terlibat meliputi golongan petani dan penternak di bawah kategori B40.

Projek ini bertujuan untuk membantu memajukan aktiviti pertanian dalam bentuk penyediaan kemudahan infrastruktur, input pertanian dan ternakan, mesin dan peralatan pertanian serta kursus asas tani dan latihan.

Bantuan yang disalurkan adalah berdasarkan projek yang berdaya maju, berpotensi, mempunyai pasaran dan dapat diusahakan dalam jangka masa yang panjang.

## OBJEKTIF

1. Menggalakkan petani dan penternak melibatkan diri di dalam projek tanaman, ternakan dan akuakultur secara komersil.
2. Menambah pendapatan petani di kawasan luar bandar.
3. Membangunkan kawasan tanah terbiar dan tanah kosong.

## BANTUAN YANG DISALURKAN

1. Bantuan Input untuk projek pertanian, ternakan dan akuakultur.
2. Bantuan peralatan, mesin pertanian dan industri asas tani.
3. Bantuan Infrastruktur Pertanian, Ternakan dan Akuakultur.
4. Bantuan membaikpulih dan menaik taraf tanah-tanah terbiar.
5. Bantuan latihan / kursus / promosi dan lawatan.

## JENIS PROJEK

### 3 PROJEK UTAMA

- i). Tanaman
- ii). Ternakan
- iii). Akuakultur

## KRITERIA PROJEK

1. Projek sedia ada dan berdaya maju.
2. Bagi projek tanaman kontan peserta telah pun memulakan projek sekurang-kurangnya 3 pusingan.
3. Keutamaan diberikan kepada projek tanaman yang akan diusahakan di tapak yang tiada tanaman kekal atau tanaman semula seperti getah, sawit, durian dan lain-lain.
4. Sekiranya projek akan diusahakan di tanah yang mempunyai tanaman semula (getah, sawit, durian dan lain-lain), umur tanaman tersebut hendaklah berusia antara 0 - 1 tahun.
5. Bagi projek ternakan, keutamaan diberikan kepada peserta yang telah memulakan projek dan mempunyai bilangan ternakan seperti :-
  - a) Kambing - 25 ekor
  - b) Lembu - 20 ekor
  - c) Arnab - 200 ekor
  - d) Ayam / Itik - 1,000 ekor (mempunyai lesen unggas oleh Jabatan Veterinar)
  - e) Lain-lain ternakan yang dipertimbangkan dalam mesyuarat jawatankuasa kelulusan PPLB (tertakluk kepada terma dan syarat).
6. Bagi permohonan projek ternakan, hanya input projek (makanan, vitamin, peralatan) dan pembinaan kandang sahaja akan dipertimbangkan.

## KELAYAKAN PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia yang mempunyai pendapatan B40.
2. Mempunyai hak milik tanah, surat kebenaran atau sewa tanah.
3. Projek yang dijalankan secara sepenuh masa.
4. Lokasi projek hendaklah terletak di luar kawasan MADA.
5. Bukan KAKITANGAN KERAJAAN.

## CARA PERMOHONAN

1. Pemohon boleh mengemukakan surat permohonan rasmi kepada Pejabat Zon KEDA atau Bahagian Niagatani di Kompleks Ibu Pejabat KEDA.
2. Permohonan juga boleh dilakukan melalui sistem permohonan bantuan KEDA (SPBK) di link : <https://spbk.keda.gov.my>

**\*Permohonan yang tidak mendapat maklum balas dalam tempoh masa 6 bulan dianggap tidak layak.**

